TEKS UCAPAN
DATO' HAJI CHE MOHD SHUKREE CHE ISA
NAIB PRESIDEN ANGKASA

PROGRAM MAWADDAH RAHMAH RAMADAN 2026
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DAN ANGKASA

5 MAC 2026 (KHAMIS)
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PRESINT 2, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Ramadan Al-Mubarak dan Salam Malaysia Madani.

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam PROGRAM MAWADDAH RAHMAH RAMADAN 2026 "BERSATU KITA AMAN RAMADAN TAMBAH IMAN' ANJURAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DAN ANGKASA pada bulan yang penuh keberkatan ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (AGD) serta semua rakan strategik iaitu Koperasi Warga Perakaunan

Sektor Awam Berhad (KO-AKAUN), Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam AGD (JHEAIN), PUSPANITA, Kelab Sukan Akauntan Negara (KESAN), Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA), PERPENA PERBAKTI, ADABI dan National Leisure International atas komitmen berterusan dalam menjayakan program tahunan ini bersama ANGKASA.

Hadirin yang dikasihi

3. Program ini bukanlah sesuatu yang baharu. Ia telah dilaksanakan secara konsisten sejak tahun 2022 dan kini memasuki tahun kelima penganjurannya. Konsistensi ini membuktikan bahawa hubungan strategik antara ANGKASA dan AGD bukan sekadar hubungan rasmi, tetapi telah berkembang menjadi hubungan kekeluargaan yang erat dan penuh kepercayaan.

4. Objektif utama program ini adalah untuk mengekalkan serta memperkukuh kerjasama strategik antara ANGKASA dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dalam membangunkan inisiatif ekonomi dan sosial yang inklusif serta mampan. Dalam masa yang sama, ia menjadi wadah mempererat ukhuwah dan semangat kebersamaan dalam kalangan warga perkhidmatan awam dan gerakan koperasi.

5. Aktiviti gotong-royong memasak bubur lambuk yang kita laksanakan pada hari ini membawa simbolik yang sangat besar. Semangkuk bubur

mungkin kelihatan sederhana, namun di sebaliknya terselit nilai kerjasama, semangat rewang serta toleransi.

6. Lebih bermakna lagi, bubur lambuk yang dimasak hari ini bukan sahaja diagihkan kepada warga AGD, malah turut disalurkan kepada kementerian-kementerian berhampiran di Putrajaya. Inilah manifestasi sebenar konsep "Bersatu kita Aman Ramadan Tambah Iman" yang mana daripada satu dapur, kita sebarkan kasih sayang kepada seramai mungkin penerima.

7. Selain itu, program penyerahan Bakul Ramadan dan Sumbangan Bantuan Hari Raya yang dilaksanakan pada petang ini mencerminkan prinsip koperasi yang ketujuh iaitu keprihatinan terhadap komuniti. ANGKASA sebagai badan puncak sentiasa memastikan bahawa agenda kebajikan dan kesejahteraan anggota serta masyarakat tidak pernah dipinggirkan.

8. Saya amat menghargai peranan PUSPANITA dalam menguruskan penerima Bakul Ramadan serta semua pihak yang terlibat dalam memastikan sumbangan ini sampai kepada golongan yang memerlukan. Mudah-mudahan bantuan ini dapat meringankan beban dan menceriakan persiapan mereka menyambut Syawal yang bakal tiba.

Hadirin yang dikasihi,

9. Ramadan adalah madrasah tarbiah. Ia mendidik kita tentang sabar, syukur dan empati. Dalam kesibukan tugas harian sebagai penjawat awam dan penggerak koperasi, program seperti ini mengingatkan kita bahawa nilai kemanusiaan dan ukhuwah perlu sentiasa menjadi teras dalam setiap tindakan.

10. Saya berharap agar kerjasama erat antara ANGKASA dan JANM ini akan terus diperkukuh dan diperluas pada masa akan datang, bukan sahaja dalam program kebajikan seperti ini, malah dalam inisiatif ekonomi, kewangan dan pembangunan koperasi yang lebih strategik demi kesejahteraan bersama.

11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program pada hari ini daripada urus setia, sukarelawan, penyumbang sehinggalah kepada semua yang hadir memeriahkan majlis.

12. Marhaban Ya Ramadan. Semoga setiap usaha, setiap titisan peluh dan setiap sumbangan yang diberikan hari ini menjadi amal soleh yang diterima dan diganjari oleh Allah SWT.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.